



---

**DASAR CUKAI PERKHIDMATAN BIL 3/2024**

**PENETAPAN KADAR CUKAI PERKHIDMATAN  
BAGI PENYEDIAAN PELBAGAI PERKHIDMATAN BERCUKAI OLEH PENYEDIA  
PERKHIDMATAN YANG SAMA**

1. Berkuat kuasa mulai 01 Mac 2024, selaras dengan peruntukan subseksyen 10(2) Akta Cukai Perkhidmatan 2018, Menteri Kewangan telah menetapkan kadar cukai perkhidmatan dinaikkan daripada 6% kepada 8% ke atas semua perkhidmatan bercukai kecuali bagi perkhidmatan makanan dan minuman, perkhidmatan telekomunikasi, perkhidmatan penyediaan ruang letak kenderaan dan perkhidmatan logistik. Manakala, perkhidmatan kad kredit dan kad caj kekal pada kadar spesifik RM25/setahun.
2. Merujuk kepada Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan (PCP) 2018, sekiranya orang berdaftar berikut:
  - 2.1. **Kumpulan A:** Penginapan;
  - 2.2. **Kumpulan B:** Makanan dan Minuman;
  - 2.3. **Kumpulan C:** Kelab Malam, Dewan Tari-Menari, Kabaret, Pusat Karaoke, Pusat Kesihatan dan Kesejahteraan, Rumah Urut, Rumah Awam Dan Rumah Bir;
  - 2.4. **Kumpulan D:** Kelab Persendirian; atau
  - 2.5. **Kumpulan E:** Kelab Golf dan Lapangan Sasar Golf

menyediakan mana-mana perkhidmatan bercukai lain yang dinyatakan dalam Kumpulan lain dalam Jadual Pertama, PCP 2018, penetapan kadar cukai perkhidmatan yang disediakan itu adalah ditentukan berdasarkan kepada jenis perkhidmatan bercukai yang disediakan dan bukannya mengikut kepada perkhidmatan utama. Namun, sekiranya perkhidmatan bercukai disediakan secara berpakej, kadar cukai perkhidmatan ditetapkan berdasarkan kumpulan perkhidmatan bercukai.

3. Manakala untuk orang berdaftar di bawah butiran (2), Kumpulan I, Jadual Pertama, PCP 2018 iaitu mana-mana orang yang menyediakan perkhidmatan telekomunikasi dan pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan, penetapan kadar cukai perkhidmatan untuk perkhidmatan bercukai yang disediakan adalah seperti dalam **Jadual 1**. Walau bagaimanapun, jika perkhidmatan bercukai disediakan secara berpakej, maka kadar cukai perkhidmatan ditetapkan berdasarkan kumpulan perkhidmatan bercukai.

**Jadual 1**

<b>Kumpulan</b>	<b>Perkhidmatan Bercukai</b>	<b>Penetapan Kadar Cukai Perkhidmatan</b>
<b>I Butiran (2)</b>	(a) Pemberian perkhidmatan telekomunikasi – <b>Contoh:</b>	<b>6%</b>
	1. Perkhidmatan telekomunikasi sahaja	<b>6%</b>
	2. Pakej telekomunikasi yang mengandungi perkhidmatan langganan internet dan TV berbayar	<b>6%</b>
	(b) Pemberian perkhidmatan penyiaran langganan	<b>8%</b>
	(c) Penyediaan perkhidmatan digital	<b>8%</b>

4. Bagi maksud subperenggan (2) di atas, penetapan kadar cukai perkhidmatan adalah seperti dalam **Jadual 2** berikut:

**Jadual 2**

<b>Kumpulan</b>	<b>Perkhidmatan Bercukai</b>	<b>Penetapan Kadar Cukai Perkhidmatan</b>
<b>A</b>	(a) Penyediaan premis penginapan – <b>Contoh:</b>	<b>8%</b>
	1. Pakej penginapan sahaja	<b>8%</b>
	2. Pakej penginapan termasuk sarapan pagi	<b>8%</b>

	<p>(b) Pemberian mana-mana perkhidmatan bercukai lain yang dinyatakan dalam Kumpulan lain dalam Jadual Pertama, PCP 2018 –</p> <p><b>Contoh:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Perkhidmatan penyediaan makanan dan minuman</li> <li>2. Perkhidmatan penyediaan ruang letak kenderaan</li> <li>3. Lain-lain perkhidmatan bercukai seperti rumah urut (<i>massage parlour</i>), pengurusan majlis, <i>business centre</i></li> </ol>	<p><b>6% atau 8%</b></p> <p><b>6%</b></p> <p><b>6%</b></p> <p><b>8%</b></p>
	<p>(c) Pemberian perkhidmatan lain di dalam kawasan atau tempat perniagaan di bawah kawalan penyedia perkhidmatan –</p> <p><b>Contoh:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sewaan ruang iklan</li> <li>2. Sewaan ruang perniagaan</li> <li>3. Pakej perkahwinan merangkumi penyediaan perkhidmatan bankuet/katering, persiapan tempat dan sewaan peralatan/ <i>live band</i>/karaoke</li> <li>4. Pakej seminar/ latihan/ mesyuarat/ kursus merangkumi penyediaan perkhidmatan penginapan, makanan dan minuman, sewaan dewan seminar/bilik mesyuarat dan lain-lain seperti peralatan LED/ mikrofon dan telekomunikasi (internet)</li> </ol>	<p><b>8%</b></p> <p><b>8%</b></p> <p><b>8%</b></p> <p><b>8%</b></p>
	<p>(d) Penyediaan atau penjualan— rokok, produk tembakau, paip tembakau (termasuk kepala paip), rokok elektronik dan peranti pengewapan elektrik peribadi yang serupa, sediaan yang digunakan untuk</p>	<p><b>8%</b></p>

	merokok melalui rokok elektronik dan peranti pengewapan elektrik, dalam bentuk cecair atau gel, sama ada mengandungi nikotin atau tidak atau minuman beralkohol atau tidak beralkohol	
<b>B</b>	(a) Penyediaan makanan atau minuman yang tersedia atau terhidang	<b>6%</b>
	(b) Pemberian mana-mana perkhidmatan bercukai lain yang dinyatakan dalam Kumpulan lain dalam Jadual Pertama, PCP 2018 – <b>Contoh:</b>  1. Perkhidmatan penyediaan ruang letak kenderaan  2. Lain-lain perkhidmatan bercukai seperti pengurusan majlis dan <i>business centre</i>	<b>6% atau 8%</b>  <b>6%</b>  <b>8%</b>
	(c) Pemberian perkhidmatan lain selain perkhidmatan penyewaan ruang di dalam kawasan atau tempat perniagaan di bawah kawalan penyedia perkhidmatan – <b>Contoh:</b>  Pakej makanan dan minuman termasuk pengurusan majlis seperti pakej makan malam	<b>6%</b>  <b>6%</b>
	(d) Penyediaan atau penjualan— rokok, produk tembakau, paip tembakau (termasuk kepala paip), rokok elektronik dan peranti pengewapan elektrik peribadi yang serupa, sediaan yang digunakan untuk merokok melalui rokok elektronik dan peranti pengewapan elektrik, dalam bentuk cecair atau gel, sama ada mengandungi nikotin atau tidak atau minuman beralkohol atau tidak beralkohol	<b>8%</b>

<b>C</b>	(a) Penyediaan semua jenis perkhidmatan seperti <i>entrance/cover charge</i>	<b>8%</b>
	(b) Pemberian mana-mana perkhidmatan bercukai lain yang dinyatakan dalam Kumpulan lain dalam Jadual Pertama, PCP 2018 – <b>Contoh:</b>  1. Perkhidmatan penyediaan makanan dan minuman  2. Perkhidmatan penyediaan ruang letak kenderaan  3. Lain-lain perkhidmatan bercukai seperti pengurusan majlis, <i>business centre</i>	<b>6% atau 8%</b>  <b>6%</b>  <b>6%</b>  <b>8%</b>
	(c) Penyediaan atau penjualan— rokok, produk tembakau, paip tembakau (termasuk kepala paip), rokok elektronik dan peranti pengewapan elektrik peribadi yang serupa, sediaan yang digunakan untuk merokok melalui rokok elektronik dan peranti pengewapan elektrik, dalam bentuk cecair atau gel, sama ada mengandungi nikotin atau tidak atau minuman beralkohol atau tidak beralkohol	<b>8%</b>
<b>D</b>	(a) Pemberian semua perkhidmatan di dalam kelab persendirian itu <b>Contoh:</b>  Pakej perkahwinan merangkumi penyediaan perkhidmatan bankuet/katering, persiapan tempat dan sewaan peralatan/ <i>live band/</i> karaoke	<b>8%</b>  <b>8%</b>

	<p>(b) Pemberian mana-mana perkhidmatan bercukai lain yang dinyatakan dalam Kumpulan lain dalam Jadual Pertama, PCP 2018 –</p> <p><b>Contoh:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Perkhidmatan penyediaan makanan dan minuman</li> <li>2. Perkhidmatan penyediaan ruang letak kenderaan</li> <li>3. Lain-lain perkhidmatan bercukai seperti pengurusan majlis, <i>business centre</i></li> </ol>	<p><b>6% atau 8%</b></p> <p><b>6%</b></p> <p><b>6%</b></p> <p><b>8%</b></p>
	<p>(c) Penyediaan atau penjualan— rokok, produk tembakau, paip tembakau (termasuk kepala paip), rokok elektronik dan peranti pengewapan elektrik peribadi yang serupa, sediaan yang digunakan untuk merokok melalui rokok elektronik dan peranti pengewapan elektrik, dalam bentuk cecair atau gel, sama ada mengandungi nikotin atau tidak atau minuman beralkohol atau tidak beralkohol</p>	<p><b>8%</b></p>
<b>E</b>	<p>(a) Penyediaan kelab golf atau lapang sasaran golf atau perkhidmatan berhubung dengan golf atau lapang sasaran golf</p>	<p><b>8%</b></p>
	<p>(b) Pemberian mana-mana perkhidmatan bercukai lain yang dinyatakan dalam Kumpulan lain dalam Jadual Pertama, PCP 2018 –</p> <p><b>Contoh:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Perkhidmatan penyediaan makanan dan minuman</li> <li>2. Perkhidmatan penyediaan ruang letak kenderaan</li> <li>3. Lain-lain perkhidmatan bercukai seperti pengurusan majlis, <i>business centre</i></li> </ol>	<p><b>6% atau 8%</b></p> <p><b>6%</b></p> <p><b>8%</b></p>

	<p>(c) Pemberian apa-apa perkhidmatan lain di dalam kelab golf atau lapang sasaran golf –  <b>Contoh:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sewaan ruang iklan</li> <li>2. Sewaan ruang perniagaan</li> <li>3. Pakej perkahwinan merangkumi penyediaan perkhidmatan bankuet/katering, persiapan tempat dan sewaan peralatan/ <i>live band</i>/karaoke</li> </ol>	<p style="text-align: right;"><b>8%</b></p>
	<p>(d) Penyediaan atau penjualan—  rokok, produk tembakau, paip tembakau (termasuk kepala paip), rokok elektronik dan peranti pengewapan elektrik peribadi yang serupa, sediaan yang digunakan untuk merokok melalui rokok elektronik dan peranti pengewapan elektrik, dalam bentuk cecair atau gel, sama ada mengandungi nikotin atau tidak atau minuman beralkohol atau tidak beralkohol</p>	<p style="text-align: right;"><b>8%</b></p>

**Penafian:**

Dasar cukai perkhidmatan yang dikeluarkan ini adalah tertakluk kepada pindaan sekiranya terdapat apa-apa perubahan dasar yang berkaitan.

BAHAGIAN CUKAI DALAM NEGERI  
IBU PEJABAT KASTAM DIRAJA MALAYSIA, PUTRAJAYA